

[< Go back to Article Page](#)[Print Article](#)

Tiga peserta boleh harumkan negara

BERITA HARIAN, 29 November 2003, Page 27

Tiga peserta boleh harumkan negara Ketua jurulatih yakini keupayaan pesilat rebut pingat emas

SUKAN SEA

Persekutuan Silat Singapura (Persisi) meletakkan matlamat empat pingat emas termasuk tiga dalam acara tanding dalam Sukan SEA Vietnam. Tetapi mampukah Zulfakar Mohamed Ramli, Abdul Kadir Ibrahim dan Imran Abdul Rahman memenangi pingat emas? Yusoff A. Rahman mendapatkan ketua jurulatih, Sheik Alauddin Yacoob, untuk mengulas peluang tiga pesilatnya itu.

DARI segi keyakinan, ketua jurulatih Singapura, Sheik Alauddin Yacoob percaya johan dunia, Zulfakar Mohamed Ramli, Abdul Kadir Ibrahim dan finalis johan dunia, Imran Abdul Rahman akan mengharumkan negara dengan kalungan pingat emas.

Tetapi dalam pada itu, ada beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian terutama sekali Kadir dan Imran.

Mengulas peluang setiap pesilatnya, Sheik berkata: "Saya tidak bimbang dengan kedudukan Zul sekalipun beliau sibuk dengan peperiksaannya.

"Sebabnya apabila saya memberikan beliau kelepasan untuk menumpukan perhatian kepada peperiksaan untuk tiga empat hari, Zul tetap kelihatan cergas apabila kami mengadakan latihan tenaga 100 peratus.

“Zul kelihatan stabil. Berat badannya baik. Beliau sentiasa menjaga soal makan minumannya. Tetapi jika ada sedikit masalah, tentunya beliau terfikir soal peperiksaannya.

“Sebab itu, saya memintanya untuk menumpukan lebih perhatian kepada soal peperiksaannya. Selepas itu, beliau akan kembali menumpukan kepada perjuangannya dalam Sukan SEA.”

Zulfakar, peserta tunggal Singapura yang memenangi kesemua lima kejuaraan antarabangsa termasuk Kejohanan Sedunia pada tahun lalu, kini sedang menuntut di Institut Pendidikan Dover dalam jurusan Teknologi Elektronik Komputer.

Mengenai Kadir, bekas johan dunia, Sheik berkata: “Oleh kerana Kadir kini akan kembali bertanding dalam Kelas E, maka dengan berat badan yang lebih ringan, beliau seharusnya lebih garang dalam tindak-tanduknya.

“Beliau tidak boleh menjadi terlalu emosi dan lalai dalam perlawanan. Sebab ada masanya, Kadir kelihatan relaks. Beliau harus lebih garang, lebih lincah dan tidak boleh suka senyum-senyum seperti dulu.

“Beliau juga jangan suka berbual-bual dalam perlawanan. Maksudnya, membuat aduan kepada

wasit tentang aksi perlawanan seterusnya itu. Tahu-tahu sahaja, jika pesilat suka membuat aduan nanti pesilat yang menerima padahnya.

“Sekiranya, Kadir boleh menumpukan perhatian sepenuhnya kepada perlawanan dan mengikut arahan jurulatih maka saya yakin Kadir boleh berjaya.

“Sebabnya Kadir telah membuktikan beliau pernah menjadi juara dunia,” Sheik memberitahu.

Kembali kepada Imran pula, Sheik memberitahu: “Sebenarnya Imran mempunyai satu sahaja masalah. Beliau mempunyai semacam sekatan mental terutama sekali apabila beliau berdepan dengan pesilat yang bagus ataupun pesilat yang pernah mengalahkannya.

“Jika beliau menentang pesilat yang kurang handal, beliau dapat beraksi dengan gaya yang cemerlang.

“Dari segi kebolehan, Imran adalah pesilat yang mempunyai skil yang baik, bentuk badan yang mantap tetapi cuma perlu mengurangkan lagi berat badannya.”

“Jika Imran boleh mengatasi soal mental, saya yakin Imran tidak menghadapi masalah untuk memenangi pingat emas. Tetapi pesilat seperti Imran harus selalu diberikan kata-kata pe-rangsang dalam usaha

mengatasi segala kegugupan dan kebimbangan menghadapi perlawanan,” jelas Sheik selanjutnya.

Sheik kemudian menarik perhatian beliau pernah ‘sepak’ Imran dalam usaha untuk memberikan semacam keyakinan kepada pesilat itu.


“Bahkan, pernah dalam Kejohanan Pencak Asia Pasifik, saya telah sepak Imran sehingga beliau akhirnya menjuarai kejohanan tersebut. Lebih menarik lagi, Imran telah mencium saya selepas kemenangannya itu,” jelas Sheik sambil menambah beliau juga melakukan taktik serupa ke atas pesilat lain.

Tetapi tidakkah taktik ‘sepak’ itu adalah satu cara baik untuk membangkitkan semangat?

“Saya tidak boleh menggunakan cara ini ke atas setiap pesilat. Ada pesilat menunjukkan reaksi positif. Mereka menjadi marah dan sekali gus kembali berani menghadapi seterusnya. Dan seperti Imran, beliau kemudian telah menjuarai Kejohanan Asia Pasifik,” Sheik memberitahu.

“Saya tidak bimbang dengan kedudukan Zul sekalipun beliau sibuk dengan peperiksaannya. Sebabnya apabila saya memberikan beliau kelepuasan untuk menumpukan perhatian kepada peperiksaan untuk tiga empat hari, Zul tetap kelihatan cergas apabila kami mengadakan latihan tenaga 100 peratus.”

— Jurulatih Singapura, Sheik Alauddin Yacoob.



A. Kadir Ibrahim

Imran Abdul Rahman

Imran Abdul Rahman
A. Kadir Ibrahim